

Kematian kelapan akibat denggi

JALAN SUNGAI TUA – Seorang lagi mangsa, dari daerah Gombak, kali ini masuk kali kelapan (sejak Januari 2009 hingga sekarang) maut, akibat penyakit demam denggi.

Mangsa, Mat Ali Mohd Abdullah, 45, sebelum itu ditempatkan kira-kira seminggu di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Selayang, meninggal dunia jam 3 pagi semalam, di wad berkenaan.

16

katil

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taman Templer, Datuk Subahan Kamal berkata, susulan kejadian kali ini, beliau meminta kementerian Kesihatan dan Exco berkaitan kerajaan negeri mengambil langkah berbuat sesuatu bagi meng-

elakkan peningkatan jumlah kematian akibat denggi.

“Seperti kenyataan pernah saya keluarkan sebelum ini kepada pihak terbabit, tujuan saya bukan sekadar mahu mengkritik. Bagaimanapun, hakikatnya apabila berlaku pertambahan kematian sebegini, siapa yang mahu bertanggungjawab?”

“Tambahan pula, mangsa ada anak-anak masih perlu dibesarkan. Saya amat bersimpati dengan keluarga ini. Sepatutnya kerja melihat isu wabak denggi bukan kerja ADUN, tetapi sebagai wakil rakyat, saya berasa perlu menengahkan masalah tersebut,” kata Subahan lagi.

Beliau berkata demikian semasa melawat jenazah

Allahyarham Mat Ali yang dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Sungai Tua Baru, di sini, semalam.

Katanya, selepas mendedahkan isu hanya terdapat 16 katil di wad ICU Hospital Selayang baru-baru ini menerusi media, ia mendapat maklum balas positif Menteri Kesihatan, Datuk Liow Tiong Lai.

“Malah Datuk Tiong Lai menelefon saya pagi tadi (semalam), mengucapkan terima kasih dengan perkara tersebut yang diketengahkan dan tidak menidakkan apa yang saya perkatakan mengenai isu hospital tersebut.

“Dengan itu, kita harap bila adabajet diperuntukkan selepas ini, mereka dapat cari jalan bagi melengkapi hospital berkenaan. Se-



● Suasana sedih menyelubungi keluarga mangsa dan penduduk kampung ketika pengebumian semalam.

terusnya, ia tidak lagi menjadi bahan jenaka seperti peruntukan berjuta-juta dilaburkan untuk pembinaan Hospital Selayang, tetapi hanya terdapat 16 katil di wad ICU,” kata Subahan.

Beliau turut berharap dengan wad yang lengkap,

pesakit termasuk penghidap denggi seperti sekarang dapat dirawat lebih sempurna.

Terdahulu, mangsa kematian akibat denggi meninggalkan seorang isteri yang hanya seorang suri rumah, Robiah Rosli, 40, dan

tiga anak perempuan serta dua lelaki berumur antara 12 hingga 20 tahun.

Kejadian kali ini adalah masuk kali keempat, mangsa maut akibat denggi dari Kampung Nakhoda, sejak Januari 2009 sehingga sekarang.